



Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan dan Akaun Kumpulan bagi tahun berakhir 31 Disember 2009.

SUASANA OPERASI

Tahun yang dilaporkan amat mencabar bagi sektor perkhidmatan kewangan kerana krisis kewangan yang melanda telah mengakibatkan kemelesetan di kebanyakan ekonomi global utama pada 2008. Ekonomi Malaysia tidak terlepas daripada kegawatan ekonomi global pada tahun fiskal yang dilaporkan. Meskipun berlaku penyusutan yang mendadak dalam setengah tahun pertama, ekonomi pulih pada setengah tahun kedua mencatatkan penyusutan hanya 1.7% pada tahun 2009. (2008: pertumbuhan 4.6%). Pemulihan tersebut merupakan hasil pelaksanaan segera rangsangan fiskal dan langkah pelonggaran polisi kewangan oleh kerajaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia.

Sektor perkhidmatan (termasuk sub-sektor insurans) menyokong ekonomi keseluruhan dalam 2009. Dalam industri insurans, kedua-dua segmen perniagaan hayat dan am terjejas oleh aktiviti ekonomi yang lemah dan pengurangan dalam jualan kenderaan motor pada setengah tahun pertama. Walaubagaimanapun, keadaan kedua-dua segmen bertambah baik dalam setengah tahun kedua, selari dengan pemulihan ekonomi.

Pada 2009, jumlah premium/caruman bersih pengendali insurans dan takaful meningkat sebanyak 8.2% (2008: 2.4%), didorong terutamanya oleh segmen hayat biasa bagi sektor hayat dan takaful keluarga dan peningkatan besar dalam semua kelas perniagaan sektor am (termasuk takaful am). Premium/caruman perniagaan baru bagi perniagaan hayat dan takaful keluarga mencatatkan kenaikan 5.4% kepada RM9,942.2 juta (2008: RM9,429.8 juta) bertunjangan pertumbuhan dalam produk hayat biasa. Premium kasar langsung bagi perniagaan insurans am (termasuk takaful am) meningkat sebanyak 12.0% kepada RM12,792.4 juta (2008: RM11,417.3 juta) dipacu oleh pertumbuhan dalam perniagaan kebakaran dan motor serta permintaan yang lebih meluas bagi insurans am, kecuali perniagaan marin, penerbangan dan transit, semua risiko kontraktor dan kejuruteraan, yang terjejas akibat persekitaran perniagaan yang kurang menggalakkan dalam sektor eksport dan pembinaan.

TINJAUAN PRESTASI

Bagi tahun yang dilaporkan, hasil operasi Kumpulan merosot sebanyak 1.7% kepada RM2,181.8 juta (2008: RM2,219.0 juta). Di bawah perniagaan insurans konvensional, Bahagian Insurans Hayat mencatatkan premium kasar berjumlah RM1,095.0 juta (2008: RM1,277.9 juta) manakala Bahagian Insurans Am pula meraih premium kasar berjumlah RM558.4 juta (2008: RM436.8 juta), dengan RM476.1 juta (2008: RM372.1 juta) diperolehi daripada operasi yang dihentikan. Operasi dihentikan Bahagian Insurans Am merupakan Perniagaan Insurans Am MAA yang diklasifikasikan untuk mematuhi FRS 5: Asef Bukan Semasa Yang Dipegang Untuk Jualan dan Operasi Dihentikan selepas pengumuman dibuat oleh Syarikat, seperti yang dinyatakan dalam nota 47(a) laporan ini. Di bawah perniagaan takaful, Bahagian Takaful Keluarga dan Takaful Am masing-masing mencatatkan caruman kasar lebih tinggi berjumlah RM84.7 juta (2008: RM76.1 juta) dan RM72.7 juta (2008: RM33.9 juta).

Kumpulan berjaya meningkatkan prestasi dengan meraih keuntungan selepas cukai sebanyak RM52.8 juta pada tahun yang dilaporkan (2008: kerugian selepas cukai RM70.0 juta). Dana Insurans Am mencatatkan keuntungan sebelum cukai RM34.0 juta (2008: kerugian sebelum cukai RM23.1 juta), dengan operasi berterusan mengalami kerugian sebelum cukai RM3.5 juta (2008: kerugian sebelum cukai RM5.5 juta) manakala operasi dihentikan mencatatkan keuntungan sebelum cukai RM37.5 juta (2008: kerugian sebelum cukai RM17.6 juta). Dana Pemegang Saham pula memperoleh keuntungan sebelum cukai RM22.9 juta (2008: kerugian sebelum cukai RM63.0 juta). Dana Insurans Hayat melaporkan keuntungan sebelum cukai RM2.1 juta (2008: keuntungan sebelum cukai RM33.8 juta), yang diraih sepenuhnya daripada anak syarikat insurans luar negara dan Labuan. Tiada pindahan dibuat daripada Dana Insurans Hayat tempatan. Di bawah perniagaan takaful, Dana Takaful Keluarga mencatatkan keuntungan sebelum cukai RM1.7 juta (2008: Sifar).

Keuntungan Dana Pemegang Saham diperolehi terutamanya kerana masuk kira semula kerugian nilai saksama berjumlah RM46.7 juta (2008: kerugian nilai saksama RM22.6 juta) daripada urus niaga swap kadar faedah, yang disebabkan oleh keadaan pasaran bon perbandaran Amerika Syarikat yang lebih baik dalam tahun semasa. Untuk mengurangkan pendedahan kepada sebarang ketidaktentuan dalam swap kadar faedah, urus niaga tersebut telah ditamatkan oleh Syarikat pada Disember 2009.



Pada 31 Disember 2009, jumlah aset Kumpulan mencecah RM8.0 bilion, tambahan 3.9% berbanding RM7.7 bilion pada 2008. Secara keseluruhan, Pendapatan Sesaham ("EPS") meningkat kepada 17.3 sen pada 2009 berbanding kerugian 22.8 sen pada 2008.

TINJAUAN OPERASI PERNIAGAAN

Bagi tahun yang dilaporkan, Kumpulan meneruskan tumpuan terhadap empat (4) operasi teras, iaitu Operasi Insurans Hayat Malaysia, Operasi Insurans Am Malaysia, Operasi Unit Amanah Malaysia dan Operasi Antarabangsa, selain tambahan perniagaan takaful baru yang kini memasuki tahun ketiga operasi. Butiran mengenai prestasinya dibincangkan secara berasingan pada halaman yang dilampirkan.

PELABURAN

Pada tahun yang dilaporkan, jumlah pendapatan pelaburan, keuntungan atau kerugian bersih daripada jualan pelaburan dan perubahan nilai saksama portfolio pelaburan Kumpulan secara keseluruhannya adalah RM525.8 juta (2008: kerugian bersih RM79.0 juta)

Pada tahun yang dilaporkan, IKKL telah meningkat 45.2% (2008: kejatuhan 39.3%) kerana kegawatan global kian pulih dan seiring dengan peningkatan pasaran serantau lain. Pada 2008, disebabkan kejatuhan pasaran ekuiti Malaysia, Kumpulan telah mengubah strategi pelaburan untuk mengimbangkan semula portfolio pelaburan dengan bertukar daripada portfolio ekuiti kepada sekuriti pendapatan tetap dalam sekuriti kerajaan risiko rendah, kertas Cagamas dan bon korporat gred pelaburan dalam industri terpilih, dengan matlamat melindungi modal dan mengurangkan risiko pelaburan. Penjualan portfolio ekuiti untuk mengekang kemerosotan nilai pelaburan pada 2008 telah menyebabkan Kumpulan mengalami kerugian daripada penjualan sekuriti ekuiti disebut harga. Memandangkan pasaran saham Malaysia semakin kukuh pada 2009, Kumpulan berjaya meraih keuntungan nilai saksama bersih berjumlah RM179.1 juta (2008: kerugian nilai saksama bersih RM254.5 juta) daripada portfolio pelaburan ekuiti.

Meninjau ke hadapan, Kumpulan akan sentiasa mengkaji semula dan mengubah strategi dan campuran portfolio pelaburan berasaskan perubahan dalam persekitaran pelaburan untuk memberikan manfaat dalam bentuk perlindungan modal, keuntungan dan pendapatan konsisten bagi memenuhi komitmen kepada para pelanggan.

PERUNTUKAN PINJAMAN

Pada akhir Disember 2009, nilai dibawa bagi pinjaman tidak berbayar berjumlah RM383.7 juta (2008: RM450.5 juta), merangkumi 4.8% (2008: 5.9%) daripada jumlah aset Kumpulan. Pinjaman tidak berbayar bersih juga dikurangkan sebanyak 14.8% kerana lebih tumpuan diberikan terhadap usaha mengutip semula hutang dan tumpuan usaha pemulihan yang dijalankan.

DIVIDEN

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2009, Lembaga Pengarah tidak mengesyorkan pembayaran dividen untuk mengekalkan tahap modal bagi memenuhi keperluan operasi Kumpulan pada masa kini dan masa depan.

MAKLUMAT TERKINI TENTANG CADANGAN KORPORAT SEMASA

Kumpulan dengan sukacitanya mengemukakan maklumat terkini berikut:

- a) Pada 10 November 2008, Syarikat mengumumkan bahawa memorandum persefahaman ("MoU") yang tidak mengikat telah ditandatangani antara MAA dan AMG Insurance Berhad ("AMG") untuk memeterai cadangan pengambilalihan Perniagaan Insurans Am MAA oleh AMG pada harga yang ditetapkan berjumlah RM274.8 juta (tertakluk kepada pelarasan), dan pemerolehan kepentingan 4.9% dalam MAA Takaful Berhad ("MAA Takaful") untuk pertimbangan berjumlah RM16.2 juta, iaitu bersamaan RM3.30 sesaham (secara kolektif "Urus Niaga Cadangan").

PENYATA PENGERUSI

(bersambung)



Urus Niaga Cadangan tersebut tertakluk kepada kelulusan yang diperolehi daripada badan berikut:

- (i) Bank Negara Malaysia ("BNM") bagi skim pemindahan di bawah perjanjian pemindahan perniagaan;
- (ii) Kementerian Kewangan, berasaskan cadangan BNM, menurut Akta Insurans 1996;
- (iii) Jawatankuasa Pelaburan Asing (jika perlu);
- (iv) Suruhanjaya Sekuriti ("SC") (jika perlu);
- (v) Mahkamah Tinggi Malaysia bagi mengesahkan skim pemindahan tersebut; dan
- (vi) Pemegang Saham Syarikat.

Pada 26 Februari 2009, Syarikat mengumumkan bahawa MAA dan juga AMG sedang berusaha untuk menyempurnakan perjanjian pemindahan perniagaan ("BTA") berhubung dengan cadangan penjualan Perniagaan Insurans Am MAA sebelum perjanjian tersebut dikemukakan kepada BNM untuk kelulusan.

Pada 24 April 2009, Syarikat mengumumkan bahawa harga yang ditetapkan telah diubah kepada RM254.83 juta (tertakluk kepada pelarasan) dan permohonan telah dikemukakan kepada BNM untuk mendapatkan kelulusan bagi cadangan penjualan Perniagaan Insurans Am MAA kepada AMG ("Cadangan Penjualan"). Pelaksanaan BTA tertakluk kepada kelulusan BNM dan ia masih dalam pertimbangan. Syarikat dan MAA juga telah memberikan lanjutan tempoh eksklusif MoU selama 120 hari kepada AMG.

Pada 27 April 2009, Syarikat telah mengemukakan permohonan kepada SC mengenai Cadangan Penjualan tersebut.

Pada 21 Julai 2009, Syarikat mengumumkan bahawa SC meluluskan Cadangan Penjualan menerusi surat bertarikh 20 Julai 2009 (yang diterima pada 21 Julai 2009). Bagaimanapun, Cadangan Penjualan masih tertakluk kepada kelulusan BNM dan Pemegang Saham Syarikat.

Pada 17 November 2009, Syarikat mengumumkan bahawa selepas rundingan lanjut, harga ditetapkan telah diubah kepada RM180 juta (tertakluk kepada pelarasan). Harga yang ditetapkan dipersetujui selepas mengambil kira nilai Perniagaan Insurans Am secara berasingan tanpa perjanjian kerjasama strategik bagi perniagaan takaful dengan MAA Takaful. Keuntungan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009 dan sebelum tarikh penyempurnaan jualan Perniagaan Insurans Am akan diperolehi oleh MAA.

Permohonan berkaitan dengan pindaan terma dan syarat Cadangan Penjualan dikemukakan kepada BNM untuk diluluskan. Pada 6 Januari 2010, Syarikat mengumumkan bahawa BNM, menerusi surat bertarikh 5 Januari 2010 memberikan kelulusan bagi Cadangan Penjualan tersebut menurut Seksyen 130 Akta Insurans 1996. Pada 12 Februari 2010, Syarikat seterusnya mengumumkan bahawa SC telah meluluskan harga indikatif yang ditetapkan berjumlah RM180 juta (tertakluk kepada pelarasan) untuk Cadangan Penjualan tersebut menerusi surat bertarikh 10 Februari 2010.

- b) Pada 29 April 2010, Syarikat mengumumkan bahawa MAA telah mendapat kelulusan daripada BNM bagi MAA mengambil langkah yang diperlukan untuk memenuhi nisbah kecukupan modal sasaran minimum yang perlu dikekalkan oleh semua penanggung insurans di bawah Rangka Kerja RBC.

TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

Kumpulan terus komited kepada usaha menjadi warga korporat yang bertanggungjawab dan prihatin. Untuk tujuan ini, Kumpulan telah menubuhkan Dana Amal Buah Pinggang MAA-Medicare pada 1994 dengan matlamat menyediakan rawatan dialisis buah pinggang pada kos yang lebih rendah. Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, Kumpulan telah meluaskan rangkaian kepada dua belas (12) pusat dialisis buah pinggang untuk memenuhi keperluan semakin ramai pesakit baru terhadap perkhidmatan perubatan subsidi tersebut.

Kumpulan juga telah meletakkan Yayasan Kebajikan Budimas di bawah naungannya, dengan matlamat menyediakan perkhidmatan kebajikan kepada kanak-kanak kurang bernasib baik dan fakir miskin. Buat masa ini, Yayasan telah mengambil sepuluh (10) rumah kebajikan bagi kanak-kanak kurang bernasib baik dan anak yatim sebagai rumah angkat dengan memberikan sokongan kewangan berterusan.

Akhir sekali, Kumpulan akan terus memperuntukkan sumber untuk menyokong objektif Kumpulan meluaskan lagi aktiviti kebajikan pada tahun-tahun akan datang untuk memenuhi tanggungjawab sosial korporatnya.

Maklumat lanjut mengenai Tanggungjawab Sosial Korporat dibincangkan secara berasingan dalam halaman yang dilampirkan.



RANGKA KERJA MODAL BERASASKAN RISIKO INDUSTRI INSURANS TEMPATAN

Pada tahun yang dilaporkan, BNM melaksanakan Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko ("RBC") bagi penanggung insurans yang berkuat kuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2009. RBC memerlukan penanggung insurans mengekalkan tahap kecukupan modal sejajar dengan profil risikonya. Rangka kerja baru ini telah mengubah persekitaran perniagaan penanggung insurans menguruskan risiko dan pelaburan untuk mencapai tahap pepadanan aset-liabiliti yang lebih baik bagi dana insurans pada masa mendatang.

Untuk memenuhi syarat yang ditetapkan di bawah Rangka Kerja RBC, anak syarikat insurans tempatan Kumpulan, MAA telah mengguna pakai dasar perakaunan baru untuk menilai liabiliti insurans seperti yang dikhususkan di bawah Rangka Kerja RBC. Sejak dua (2) tahun lepas, MAA telah berbincang dengan BNM tentang rancangan untuk memenuhi keperluan kecukupan modal di bawah RBC dan seterusnya mengemukakan rancangan pengurusan modal kepada BNM. MAA mendapatkan kelulusan daripada BNM untuk rancangan pengurusan modalnya seperti yang dibincangkan dalam Nota 2(a) kepada penyata kewangan.

Selaras dengan penyatuan di dalam industri insurans baru-baru ini, penggabungan dan pengambilalihan semakin relevan bagi syarikat insurans yang mahu menjadi peneraju di pasaran yang serba kompetitif. Dalam hal ini, Syarikat akan mengambil langkah strategik untuk mencari rakan niaga yang sesuai bagi perniagaan insurans hayat MAA. Rakan strategik bagi perniagaan insurans hayat akan membolehkan penyuntikan modal tambahan kepada dana hayat bagi mengukuhkan kedudukan MAA untuk bersaing dalam pasaran yang semakin kompetitif. Perkembangan lanjut mengenai isu ini akan diumumkan berasaskan perkembangan kegiatan penggabungan dan pengambilalihan yang dijalankan.

PROSPEK

Bank Negara Malaysia ("BNM") melaporkan dalam Laporan Tahunan 2009, bahawa selaras dengan pemulihan ekonomi global pada suku keempat, ekonomi Malaysia telah pulih daripada krisis global dan mencatatkan pertumbuhan positif 4.5% dalam tempoh yang sama. Tambahan lagi, ekonomi Malaysia dijangka terus mencatatkan pertumbuhan positif pada 2010 dengan pertumbuhan diunjurkan sebanyak 4.5% - 5.5%, walaupun pemulihan ekonomi dijangka berlaku secara beransur-ansur dan tidak sekata.

Kumpulan meramalkan bahawa persekitaran operasi dalam sektor perkhidmatan kewangan tetap mencabar dan kompetitif, termasuk meraih pulangan pelaburan yang memuaskan dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu untuk melindungi modal, mengekalkan keuntungan dan memenuhi komitmen kepada pelanggan.

Namun begitu, Kumpulan akan meneruskan usaha untuk menilai, melaksanakan dan memantau rancangan tindakan pengurusan dan juga pelan pengurusan modal MAA serta penggabungan dan pengambilalihan dana insurans hayat untuk memastikan kami mempunyai tahap modal mencukupi dan mampu menguruskan risiko dengan baik, termasuk meningkatkan kualiti aset. Di samping itu, produk dan perkhidmatan perlu kekal inovatif dan berdaya saing untuk memenuhi keperluan pelanggan semasa dan juga pelanggan sasaran.

PENGIKTIRAFAN DAN PENGHARGAAN

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya mengucapkan terima kasih kepada pihak pengurusan dan kakitangan di atas komitmen, dedikasi dan sumbangan yang berterusan dalam menjamin pertumbuhan dan kejayaan berterusan Kumpulan.

Saya juga mahu mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan kami kepada pihak berkuasa kawal selia di atas panduan dan sokongan yang berterusan, dan kepada para pelanggan, ejen, rakan perniagaan dan serta para pemegang saham yang dihargai di atas sokongan, keyakinan dan kepercayaan yang diletakkan terhadap kami.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada para ahli Lembaga Pengarah di atas kepimpinan dan sumbangan kepada Kumpulan.

TUNKU DATO' YA'ACOB BIN TUNKU TAN SRI ABDULLAH
Pengerusi Eksekutif